

**Muhyiddin Ingatkan Pembangkang Jangan Putar Belit Soal Lambang Bernama**  
**19 April, 2013**

MUAR, 19 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengingatkan parti pembangkang agar tidak memutar belit fakta dan mengaitkan Umno dengan sebarang keputusan yang dibuat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

Menurutnya, Umno tidak pernah campur tangan kerana semua keputusan yang dibuat adalah hak badan itu sendiri.

"Ini hak kepada pendaftar pertubuhan. Jangan lupa satu ketika dulu Umno pun diharamkan, diharamkan bukan dibatalkan pemilihan. Tahun 1988 kalau tak silap saya. Saya waktu itu berada di Johor.

"Jadi kita terpaksa menghidupkan semula Umno, itu kuasa pendaftar, mana-mana parti pun akan menghadapi tindakan yang sama.

"Kerana itu dia mesti melihat bahawa tindakan itu berdasarkan kuasa dan undang-undang yang ada. Kita tidak campur tangan dalam soal ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat peti daerah mengundi (PDM) Kampung Tengah, Sungai Terap di sini Jumaat.

Menurutnya, ROS membenarkan DAP untuk menggunakan lambang mereka dalam pilihan raya nanti dan sehubungan itu Muhyiddin berkata tidak timbul soal mereka teraniaya sehingga terpaksa menggunakan lambang parti lain.

"Pengarah ROS telah beri kenyataan yang jelas. Dia kata yang masalahnya adalah soal pemilihan, yang itu dikatakan sah. Mereka bagi tempoh sebulan supaya DAP akan mengadakan pemilihan baru, tetapi parti itu tidak dibatalkan...masih sah lagi.

"Sebab itu mereka masih boleh bertanding menggunakan simbol yang mereka suka iaitu simbol roket mereka. Tidak payah pinjam lambang Pas ke atau ambil bulan sebab roket dia ada lagi," katanya.

Dalam satu kenyataan Khamis, Pendaftar Pertubuhan Datuk Abdul Rahman Othman berkata pendaftaran DAP tidak terbatal dan parti itu masih boleh menggunakan simbolnya pada pilihan raya umum ke-13.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943541>